

SOALAN NO: 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

TARIKH: 17 MAC 2016

SOALAN:

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:-

- (a) jumlah bayaran kepada Ketua Pengarah Eksekutif dan Lembaga Pengarah Human Resource Development Fund, KRDF; dan
- (b) rasional pewujudan syarikat persendirian dan tahap kejayaan mencapai sasaran RMK-11 untuk melatih 28 hingga 35 peratus pekerja.

PR-1341-L72634

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua

1. *Human Resources Development Fund (HRDF)* mempunyai komposisi Lembaga Pengarah yang terdiri daripada wakil Persatuan Majikan, Persatuan Penyedia Latihan, dan wakil industri. Sesuai dengan tanggungjawab '*fiduciary duty*' ahli Lembaga Pengarah, insentif bulanan dan elaun mesyuarat disediakan supaya setimpal dengan pengalaman dan kepakaran masing-masing dalam menentukan saranan dan hala tuju HRDF. Kadar insentif disemak berdasarkan amalan industri dan organisasi seumpamanya. Sebagai sebahagian usaha transformasi yang dijalankan oleh HRDF untuk memastikan tahap daya saing organisasi ini sejajar dengan perkembangan semasa, pembayaran pampasan kepada Lembaga Pengarah telah dikaji semula pada tahun 2014 yang dilakukan oleh perunding lantikan HRDF, Hay Group. Kaji selidik tersebut menunjukkan pemberian elaun kepada ahli lembaga pengarah HRDF adalah jauh lebih rendah daripada syarikat swasta dan beberapa institusi Kerajaan. Perbandingan dengan beberapa institusi berkanun menunjukkan pemberian elaun Ahli Lembaga Pengarah HRDF, institusi-institusi berkanun yang lain memberi elaun dalam skala RM35,800 hingga RM150,000 setahun bagi setiap ahli, iaitu jauh lebih tinggi daripada elaun Ahli Lembaga Pengarah HRDF.